



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA, MALAYSIA
No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 603-80008000
Faks : 603-88808288
Laman Web : www.jpn.gov.my
E-mel : pro@jpn.gov.my

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "MARIAPPAN TERPAKSA TUNGGU SELAMA 10 TAHUN" BERTARIKH 23 SEPTEMBER 2016, JUMAAT – M.S: 2

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Mariappan a/l Narayana Pillai berkenaan beliau terpaksa menunggu selama 10 tahun bagi mendapatkan status warganegara Malaysia.

Ingin dimaklumkan, hasil semakan mendapati Encik Mariappan a/l Narayana Pillai telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan terbaru pada 12/1/2015 di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan dan permohonan tersebut masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk pertimbangan serta keputusan. Sebarang keputusan berkaitan permohonan tersebut akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang telah dikemukakan semasa permohonan dibuat.

Namun demikian, memenuhi syarat permohonan bukanlah bermakna permohonan tersebut akan diluluskan kerana ianya anugerah tertinggi kerajaan dan sebarang keputusan adalah muktamad serta tidak layak untuk dipersoalkan.

Ingin ditegaskan jua, penganugerahan status kewarganegaraan hanya akan diberikan kepada mereka yang benar - benar layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang - undang.

FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

Tel. : 03-88807077

Faks : 03-88808288

26 September 2016

'RAKYAT DI HATI JPN'

